

# **AKTIVITI SENI DAN BUDAYA LAMPAU: PENGHASILAN DAN PENGGUNAAN TEKSTIL DI ALAM MELAYU DARI SUDUT SEJARAH SILAM**

**HAZIYAH HUSSIN**

## **ABSTRAK**

Sejarah silam mempunyai perkaitan dengan aktiviti masyarakat khususnya dalam penghasilan tekstil. Semasa zaman prasejarah awal, keadaan masyarakat di alam Melayu merupakan satu masyarakat yang berpindah randah disebabkan Asia Tenggara dan kepulauan Melayu merupakan satu kawasan yang tidak terpisah. Keadaan ini telah menjadikan aktiviti budaya tersebar. Penghasilan tekstil di alam Melayu pula banyak dipengaruhi oleh tekstil luar. Kain cindai dipercayai dipengaruhi oleh kain patola dari India. Inspirasi seni khususnya tekstil telah berkembang hasil daripada pertembungan budaya luar seperti Cina, Arab dan India. Aktiviti penghasilan tekstil merupakan satu aktiviti penduduk tempatan seperti yang telah digambarkan oleh beberapa penulis barat. Keadaan telah berubah, modenisasi yang dibawa barat telah memberi alternatif kepada penghasilan tekstil tempatan.

## **PENGENALAN**

Menghasilkan tekstil merupakan kemahiran dan kreativiti orang Melayu yang diwarisi sejak turun-temurun dan dipercayai mempunyai kaitan dengan sejarah kebudayaan silam. Idea dan seni motif tekstil yang terdapat pada keseluruhannya mempunyai persamaan dengan yang terdapat di tempat lain di Asia Tenggara (Rodgers, 1985 dan Arney, 1987). Dengan itu, warisan dan perkembangan tekstil alam Melayu pada masa yang lalu dapat difahami sekiranya sejarah silam orang Melayu difahami secara menyeluruh, sebelum menjurus kepada tekstil secara khusus. Penulisan ini meliputi masyarakat lampau dan penghasilan tekstil di alam Melayu berdasarkan sejarah silam.

## MASYARAKAT LAMPAU DAN PENGHASILAN TEKSTIL

Berkenaan dengan sejarah kebudayaan silam ini, Dunn (1970 & 1975) seorang pengkaji tentang masyarakat zaman prasejarah awal, berpendapat bahawa semasa Zaman Pleistocene tanah besar Asia Tenggara dan Kepulauan Melayu merupakan satu kawasan yang tidak terpisah. Keadaan ini membolehkan masyarakat prasejarah awal di kawasan tanah besar Asia Tenggara dan di Kepulauan Melayu boleh berpindah randah. Keadaan ini mendorong aktiviti budaya tersebar dengan mudah dan meluas. Dunn (1970 & 1975) juga telah memberi gambaran tentang aktiviti manusia awal yang mendiami kawasan Asia Tenggara sebagai masyarakat berkebudayaan Paleolitik dan 'Hoabinh'. Masyarakat ini mempunyai pengetahuan bagaimana membentuk alat batu yang mereka gunakan sejak lebih kurang 10,000 tahun dahulu. Ini menunjukkan masyarakat ketika itu sudah pun memiliki kemahiran untuk bertukang dan menghias.

Beberapa penemuan arkeologi telah dapat mengesan kepentingan aktiviti tekstil di rantau ini. Antaranya, penemuan arkeologi di beberapa tempat seperti di Jawa, Sulawesi dan Sabah mendapati masyarakat di kawasan itu telah mempunyai aktiviti tenun berdasarkan penemuan bahan *harvesting wild grain crops* (urat tuaian tanaman) yang digunakan untuk menenun (Heine-Gelden, yang dipetik dalam Frazer, 1966). Selain itu, di Ban Chiang, Thailand telah ditemui *stone roller* (penggelek batu), iaitu sejenis alat yang dipercayai digunakan untuk menghasilkan corak (Frazer, 1966).

Berkenaan penggunaan perkakas tenun pula, dipercayai iaitu tenun pada *a back-tension* atau *back strap* (regangan belakang) pada pekakas tenun yang berbentuk *warp* (lungsin atau benang memanjang), merupakan alat yang diperbuat daripada gangsa atau besi yang telah dibawa dari tempat lain ke alam Melayu. Alat tenun itu dipercayai berasal daripada kebudayaan Dong-son berkembang antara antara 700 sehingga 300 tahun Sebelum Masihi (Heine-Geldern dipetik daripada Frazer, 1966). Frazer (1966) berpendapat alat itu dipercayai di peringkat awal perkembangan *art style* (stail seni) di Asia Tenggara.

Mengikut penelitian Heine-Geldern (Frazer, 1966) tentang *art style* (stail seni) dalam tulisan beliau, *Some Tribal Art Styles of Southeast Asia: An Experiment in Art History* mendapati dua ciri penting berkaitan dengan sejarah awal kawasan itu. Ciri pertama, terdapatnya perhubungan yang meluas di kalangan penduduknya; dan kedua, lahirnya kebudayaan baru di kawasan itu. Tambah beliau, masyarakat di kawasan itu mengamalkan budaya material yang

dikategorikan kepada dua bentuk, iaitu monumen dan hiasan. Dari segi stail monumen, ia mempunyai kaitan dengan kebudayaan 'Megalithic' (Megalitik). Berdasarkan tinggalan batu '*menhirs*' didapati masyarakat menggunakan hiasan yang berkaitan dengan kepercayaan anamistik seperti imej burung, binatang, matahari dan bulan yang memberi kesejahteraan kepada kehidupan dan juga nenek moyang mereka selepas kematian.

Penggunaan hiasan tersebut kemungkinannya dipengaruhi oleh hiasan pada gendang gangsa dan merupakan barang dagangan terpenting (Frazer, 1966). Antara motif yang terdapat pada gendang itu berbentuk '*interlock spiral, repeated "S" and "V" pattern, triangles and rice grain*' (pola pilin berselirat, bentuk "S" dan "V" yang berulang, segi tiga dan bundar). Motif yang dihasilkan telah digunakan dalam kebanyakan bentuk kesenian, termasuk tekstil Melayu. Terdapat juga motif seperti burung, rumah dan juga perahu yang mempunyai kaitan dengan keadaan kehidupan dan juga kepercayaan masyarakat ketika itu.

Motif perahu yang dibuat secara berulang-ulang pada gendang juga dipercayai mempunyai kaitan dengan aktiviti perhubungan laut yang pada ketika itu merupakan cara perhubungan yang penting bagi pertukaran bahan dagangan. Kemahiran dalam ilmu pelayaran, Coed'es (1964) mengaitkannya dengan proses pengindiaan di Asia Tenggara kerana kemudahan hubungan laut ini telah menarik ramai pengembang agama yang terdiri daripada sami Buddha dan Hindu untuk ke Asia Tenggara sebelum tahun 300 Masihi. Kemudahan perhubungan ini juga mendorong hubungan perdagangan antara Asia Tenggara, India dan juga Timur Tengah.

Perhubungan perdagangan antara kawasan di Asia Tenggara dapat dikesan dengan adanya persamaan hiasan fabrik yang seakan-akan batik yang ditemui di Mesir pada tahun 70 Masihi lagi (McCabe-Elliot, 1984). Walau bagaimanapun, mengikut Gettinger (1979) fabrik yang dihasilkan di Asia dipercayai berasal dari India, berdasarkan kain patola atau geringsing yang dibuat secara kaedah tenun ikat ganda yang bercorak sisik. Gittinger (1979) juga mendapati penghasilan wayang kulit yang terdapat di Indonesia juga ada kaitannya dengan kesenian India, dan ini telah membuktikan adanya perhubungan antara India dan Asia Tenggara. Perkara ini juga mempunyai kaitan dengan peta dunia Ptolemy yang menyatakan Semenanjung Tanah Melayu sebagai "Golden Chersonese", satu kawasan tumpuan perdagangan yang penting sejak abad pertama lagi.

Penghasilan tekstil juga dikaitkan dengan satu kawasan yang terletak di Segenting Kra, di selatan Thailand, iaitu satu kawasan yang berhampiran dengan Semenanjung Tanah Melayu. Menurut Wheatley (1961), berdasarkan sumber rekod China, sebuah kerajaan Melayu yang dikenali sebagai Langkasuka telah wujud di situ pada abad pertama Masihi lagi. Selepas 1000 tahun Masihi, kawasan itu telah menjadi pusat pelabuhan dan perdagangan kepada beberapa wilayah yang diperintah oleh satu kerajaan yang dipengaruhi oleh Hindu iaitu, Srivijaya-Palembang (Sumatera), Khmer (Kemboja), Majapahit (Jawa) dan Siam (Thailand). Semasa itu dipercayai pengaruh Buddha dan Hindu telah mulai diterima oleh penduduk Semenanjung Tanah Melayu (Wheatley, 1961). Asimilasi kebudayaan India telah menyumbang kepada kepercayaan dan amalan seperti mitos, upacara keagamaan, dan juga kesenian (Sheppard, 1972). Berdasarkan sumber China juga, selain Langkasuka, terdapat kerajaan "*Red Land*" yang dipercayai terletak di bahagian timur Semenanjung (Wheatley, 1961) merupakan negeri Melayu yang dikaitkan dengan kerajaan beraja yang memiliki dan menggunakan pakaian dan kelengkapan pakaian yang mewah dan indah.

Semenjak abad pertama Masihi, negeri Melayu dikaitkan dengan tamadun India dan juga China. Di antara tahun 700 sehingga 1000 Masihi, Srivijaya-Pelembang merupakan kerajaan yang terkenal sehingga menjadikan wilayahnya pelabuhan dan tempat pertukaran barangan logam dan hasil hutan dengan kain kapas dari India, dan sutera, tembikar dan teh dari China. Kekuatan Srivijaya telah berjaya memonopoli Selat Melaka dan secara tidak langsung juga telah turut menjadikan kedudukan Kataha (Kedah) dan Patani penting. Hubungan Tanah Melayu dengan India, China dan negeri-negeri lain di Asia Tenggara turut mempengaruhi perkembangan tekstil tradisional (Sheppard, 1972) di alam Melayu.

## **PENGARUH DAN PENGGUNAAN TEKSTIL**

Kegunaan dan kepentingan tekstil sebagai bahan pertukaran dan dagangan telah digambarkan oleh Shellabear (1977). Beliau turut menceritakan bagaimana sultan Melayu sering membuat tempahan fabrik di India mengikut cita rasanya. Dalam masa yang sama pedagang Eropah semenjak abad ke16 telah membawa kain dari India untuk ditukar dengan rempah (Irwan dan Hall, 1971). Fabrik patola yang dikenal sebagai cindai di Semenanjung Tanah Melayu yang menjadi kain dagangan di alam Melayu telah menjadi inspirasi kepada kebanyakan penenun di Asia Tenggara (Pepin, 1993).

Selain pengaruh Dong-son di alam Melayu, pemerintahan Srivijaya juga turut menyumbangkan pengaruh yang penting dalam perkembangan seni di kawasan ini. Pemerintahan Srivijaya yang telah diambil alih oleh keturunan Sailendra yang membina Candi Borobudur telah mengembangkan pengaruhnya. Selepas kerajaan Srivijaya, kerajaan Majapahit pula telah mengembangkan pengaruhnya di beberapa tempat seperti Sumatera, Semenanjung Tanah Melayu, Borneo dan Bali. Ketika pemerintahan Majapahit inilah Islam mula berkembang dan pada masa itu juga mendorong pedagang Islam dari Arab dan India (Muslim) untuk datang ke Sumatera (Iwan dan Hall, 1971) dan alam Melayu yang lain. Kedatangan pedagang Islam ke kepulauan Melayu ini telah memberi sumbangan dalam memperkaya budaya tempatan yang lebih bercorak Islam dan meninggalkan segala amalan yang bercanggah dengan Islam.

Pada tahun 1225 Masihi, sumber China, Chau Ju-Kua mendapati negeri selatan Langkasuka iaitu Kelantan dan Terengganu merupakan kawasan yang sering menerima kunjungan pedagang Arab. Negeri Melayu ini telah mengimport emas, perak, tembaga, sutera dan pelbagai bahan makanan (Sheppard, 1972). Selain itu, inspirasi seni seperti muzik, tarian, drama, kraftangan logam, tenun dan ukiran kayu yang diwarisi dari Kemboja dan kerajaan Patani. Dipercayai pendatang dari Campa juga telah membawa seni tradisi Kelantan dan Terengganu setelah tanah airnya jatuh ke tangan Vietnam pada tahun 1471 Masihi (Sheppard, 1972).

Maklumat tentang kegunaan dan kepentingan tekstil dapat dikesan dengan adanya catatan tentang tekstil yang mulai ditulis setelah kedatangan orang Eropah dengan adanya pen, kertas dan lain-lain yang memudahkan penyimpanan maklumat. Sehubungan dengan itu, Dames (1921) telah membuat interpretasi catatan Barbosa tentang bagaimana kain sarung yang menjadi pakaian orang Melayu digunakan untuk berbagai-bagai tujuan seperti kain basahan mandi, tutup kepala, sebai (bagi melindungi dari sinar matahari), buai, bungkusan, penutup mayat dan pakaian tidur. Mengikut beliau juga, kain merujuk kepada kain polos, petak dan cop yang telah digunakan sebagai bahan dagangan.

Gettinger (1979) pula menghuraikan kain petak sebagai kain yang terdapat di Asia Tenggara dan kain ini kebanyakannya digunakan di Semenanjung, pesisiran Sumatera, Jawa, Bali, Lombok, Sumbawa, pesisiran Borneo, Sulawesi, Maluku, dan Timur Indonesia. Penggunaan kain ini mempunyai kaitan dengan penyebaran agama Islam berdasarkan kain itu mempunyai persamaan dengan kain pelikat yang berasal dari sebuah bandar di India, "Pulikat" (Grosling, 1927

dalam Gettinger, 1979), iaitu satu kawasan yang menerima kemasukan Islam yang terawal di India. Mengikut Gettinger (1979) kain berpetak yang dihasilkan oleh orang Melayu berbeza daripada “kain pelikat” terutama sekali coraknya, hasil pengubahsuaian alat tenun yang menggunakan ikat pakan (weft ikat) daripada fabrik sutera dan kapas dan kepandaian orang Melayu mengolahnya mengikut cita rasa tempatan.

Gittinger (1979) juga telah memetik penjelasan dua orang sarjana yang telah membuat huraian tentang aktiviti batik di Indonesia dalam tulisan mereka. Pertama, Kat Angelino (1930-1931), telah menulis dan menceritakan bahawa pada abad ke-17 pelawat dari Belanda yang telah ke istana mendapati 4,000 orang wanita sedang menulis pada kain. Kedua, Loeber (1926) telah menceritakan tentang perkataan ‘batick’ yang didengarnya semasa pendaratan kapal dari Jakarta ke Bengkulu, Sumatera.

Raffles pula telah menulis *The History of Java* (1817) dan menyenaraikan beraneka jenis pakaian, menerangkan kaedah tenun yang unik dan teknik mencorak kain seperti ikat dan tritik, dan juga ilustrasi corak batik mengikut jenis yang dihasilkan oleh orang Jawa. Dua orang pengkaji lagi, iaitu Skeat (1902) dan Winstedt (1909) turut menjelaskan tentang batik, khususnya di Semenanjung pada abad ke-20. Skeat menggambarkan bagaimana orang Melayu menggunakan warna Semenanjung Tanah Melayu semasa mewarna kain sutera dan kapas yang diperolehi dari Singapura.

Dalam tulisan Winstedt (1925) pula, yang bertajuk *Malay Industries Part I, Art and Craft*, beliau turut menjelaskan proses menghasilkan kain yang dilakukan oleh orang Melayu seperti menera, mewarna, menenun, menyulam dan mengait serta beberapa kaedah menghasil dan mencorak tekstil. Kajian yang dilakukan oleh Skeat (1902) dan Winstedt (1925) mendapati kesenian di kalangan orang Melayu ketika itu didapati semakin menurun. Bancian yang telah dijalankan oleh Winstedt juga mendapati kebanyakan kain batik yang terdapat di Semenanjung Tanah Melayu tidak dihasilkan oleh penduduk Semenanjung Tanah Melayu. Menurutnya lagi pada abad ke-19, di bahagian utara Jawa Timur merupakan satu kawasan yang menghasilkan reka bentuk batik untuk pasaran orang Islam. Dalam pemerhatiannya, beliau mendapati kebanyakan batik yang dipakai oleh orang Melayu Semenanjung Tanah Melayu telah dihasilkan di Jawa sebelum mereka dapat menghasilkannya sendiri.

Kalau dilihat sejarah kerajaan Melaka pula, Semenanjung Tanah Melayu menjadi semakin penting setelah Melaka dibuka oleh Parameswara, seorang

anak raja Sumatera pada tahun 1403. Parameswara telah menjalin hubungan yang baik dengan Sumatera, Jawa dan juga China. Semasa pemerintahannya, beliau juga telah membuat lawatan ke China dan membuat hubungan politik dengan China melalui Laksamana Cheng Ho. Pada masa itu Melaka juga terkenal sebagai pusat perniagaan dan pelabuhan kepada pedagang dari Timur Tengah, Afrika dan juga Eropah. Ketika pemerintahannya juga, tekstil dan juga tekstil dalam bentuk pakaian persalinan telah menjadi hadiah paling utama seperti yang dicatat dalam Sejarah Melayu (Shellabear, 1977).

Walaupun Melaka telah menjadi pusat perdagangan ketika itu, tidak terdapat maklumat yang mengaitkan Melaka dengan kemahiran seni penduduk Semenanjung Tanah Melayu. Pada ketika itu Melaka hanya mempunyai hubungan dengan Semenanjung Tanah Melayu dan Terengganu, yang telah lama mempunyai hubungan yang rapat dengan Patani. Melaka sebagai pusat perdagangan antara timur dengan barat telah mendorong kedatangan pedagang Portugis, Belanda dan juga Inggeris. Kedatangan pedagang Barat telah membawa hasil dagangan termasuk pakaian dan juga tekstil, di samping membawa idea berkaitan dengan perdagangan, pentadbiran, ekonomi dan politik. Keadaan ini sedikit sebanyak memberi kesan terhadap seni tradisi di Semenanjung Tanah Melayu. Ini dapat dilihat bagaimana golongan raja dan bangsawan mulai meniru barang termasuk tekstil yang dibawa masuk oleh pedagang-pedagang Eropah.

Pada akhir abad ke-19 pula Semenanjung Tanah Melayu mulai diperkenalkan dengan alat menenun tekstil dari Eropah yang sedikit sebanyak telah memberi kesan terhadap perusahaan tenun dan penghasilan tekstil secara tradisional seperti kain limar, tenun dan songket serta batik yang lebih memerlukan kemahiran dan ketekunan untuk menghasilkannya. Ini bermakna kedatangan Barat ke Alam Melayu sedikit sebanyak telah membawa modernisasi. Kedatangan mereka juga telah menjadikan orang Melayu mulai mencari alternatif kerana penghasilan ikat dan tenun seperti kain limar dan songket memerlukan masa yang agak lama untuk menyiapkannya. Keadaan ini menunjukkan bagaimana sejarah lampau telah menentukan corak seni dan estetik seni serta kraf tempatan.

## RUMUSAN

Penghasilan tekstil di alam Melayu merupakan aktiviti menghasil dan menghias fabrik secara tradisional. Penghasilan tekstil ini tersebar hasil dari perhubungan antara penduduk itu sendiri. Hasil daripada perhubungan dengan luar seperti Cina, India, Arab dan Eropah juga sedikit sebanyak telah memberi pengaruh dalam perkembangan penghasilan tekstil.

## BIBLIOGRAFI

- Arney, Sarah (1987). *Malaysian Batik Creating New Traditions*. Kuala Lumpur : The Malaysian Handicraft Development Corporation.
- Coed'es, George (1966). *The making of Southeast Asia*. Diterjemah oleh H.M.Wright. London: Routledge and Kegan Paul.
- Dames, Mansel Longworth (1921). *The Book of Duarte Barbosa*. London: Bedford Press.
- Dunn, F.L. (1970). Cultural Evolution in Late Pleistocene of Southeast Asia. *American Anthropologist*, 72: 1041-1054.
- Dunn, F. L. (1975). *Rain - Forest Collectors and Traders - A Study of Resource Utilization in Modern and Ancient Malaya*. Kuala Lumpur: MBRAS.
- Frazer, Douglas (1966). *The Malay Faces of Primitive Art*. Englewood Cliffs: Prentice-Hall
- Gittinger, Mattiebelle (1979). *Splendid Symbols-Textiles and Tradition in Indonesia*. Washington: The Textile Museum Washington D.C.
- Irwan, John & Hall, Margaret (1971). *Indian Painted and Printed Fabrics*. Ahmedabad: Calico Museum.
- Me Cabe Elliot, Inger (1984). *Batik: Fabled Cloth of Java*. New York: Clarkson N. Potter.
- Raffles, Thomas Stamford (1817). *The History of Jawa*. London: Parbury and Allen.
- Rodgers, Susan (1985). *Power and Gold: Jewelry from Indonesia, Malaysia, and the Philippines*. Geneva: Barbier - Muller Museum
- Shellabear, W. G. (1977). *Sejarah Melayu*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Sheppard, Mubin (1972). *Malay Decorative Art and Pastime*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Skeat, W. W. (1902). "Silk and Cotton Dyeing by Malay". *The MBRAS*, 1, 123-127.
- Wheatley, Paul (1961). *The Golden Khersonese: Studies in the Historical Geography of the Malay Peninsula before A.D. 1500*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya Press.
- Winsteadt, R.O. (1925). "Malay Industries Part I: Arts and Craft" dalam R.J. Wilkinson (Penyunting). *Papers on Malay Subjects*. Kuala Lumpur : Government Press.